

# Jerayawara pemeriksaan kesihatan

January 12, 2021

Oleh Yusrin Junaidi

**BANDAR SERI BEGAWAN, 11 JAN** – Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Gleneagles Jerudong Park Medical Centre dan Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), buat pertama kali mengadakan jerayawara dengan aktiviti sesi pemeriksaan kesihatan bagi pegawai dan kakitangan KHEU.

Pemeriksaan berkenaan diadakan selama lima hari, bermula hari ini hingga 14 Januari dan 16 Januari di Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU.

Aktiviti pemeriksaan kesihatan berkenaan merupakan sebahagian daripada Program Tempat Kerja dan Kesihatan (WAH) bagi warga perkhidmatan awam sesi 2020-2021.

Ia bertujuan memberikan pendedahan dan peluang kepada warga pegawai dan kakitangan KHEU dengan keramaian lebih 6,000 untuk mengikuti program kesedaran kesihatan, sesi kursus gaya hidup sihat dengan menekankan kepentingan tindakan bersepadu dalam mencegah, mengesan dan menangani faktor-faktor risiko penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, pemakanan tidak sihat, kurang melakukan kegiatan fizikal, merokok dan isu kesihatan mental dalam konteks tempat kerja sihat. Ini secara langsung akan menjadikan aktiviti ke arah hidup yang lebih sihat.

Selain daripada itu, sebagai langkah permulaan dan pemantauan, Pusat Promosi Kesihatan juga terlibat dalam sama-sama menyokong KHEU untuk mengadakan pelbagai Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (WHP) antaranya aktiviti senaman beramai-ramai yang akan dijadualkan nanti.



Pegawai kesihatan membuat pemeriksaan ke atas pegawai dan kakitangan KHEU.



ns535988